

**Oleh Ahmad Ismail
dan Wan Kemat**
bhnews@bh.com.my

► **Segamat**

Kementerian Kewangan sentiasa memantau pengurusan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat milik kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan tidak teragak-agak menamatkan kontrak mereka yang gagal menguruskan dengan baik.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Ghani, berkata pengurusan syarikat GLC dan MKD perlu memastikan bahawa tadbir urus syarikat berkenan mendatangkan manfaat dari segi keuntungan, faedah

dan peluang pekerjaan kepada rakyat.

"Kita pastikan bahawa semua pengurusan syarikat kerajaan di bawah GLC atau MKD, nak pastikan mereka buat kerja. Kalau mana-mana yang rasa tak capai, kerajaan tak akan sambung kontrak.

"Sekiranya mereka (pengurusan syarikat GLC dan MKD) gagal melaksanakan tugas dengan baik, kita tidak akan menyambung kontrak mereka," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat UM-NO Bahagian Segamat, di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Kenangan, Batu Anam, di sini semalam.

Yang turut hadir Menteri Kesihatan yang juga Ahli Parlimen Segamat, Datuk Seri Dr S Subramaniam dan